

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]**

**RUJUKAN : 8757**

**SOALAN :**

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah prosedur yang diguna pakai bagi penentuan pekerjaan bagi pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk ke Malaysia dan apakah jumlah yuran yang dibayar oleh setiap pekerja bagi memperolehi visa kemasukan.

## **JAWAPAN :**

**Dasar utama penggajian masih menetapkan dan mengutamakan rakyat tempatan dan kehadiran pekerja asing di negara ini hanyalah bagi mengisi jawatan-jawatan yang tidak digemari oleh rakyat tempatan.**

**Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab dalam urusan pengambilan pekerja asing. Kementerian Dalam Negeri menjadi urus setia kepada Pusat Kelulusan Setempat (OSC) untuk membuat pertimbangan dan kelulusan permohonan majikan yang ingin menggajikan pekerja asing.**

**Pihak majikan perlu memohon dan mendapatkan *Job Clearing System* (JCS) daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), sebagai sokongan kepada majikan yang memohon pekerja asing bagi memastikan kekosongan jawatan tersebut telah diiklankan dan tidak dapat diisi oleh rakyat tempatan.**

**Majikan kemudiannya perlu hadir secara *walk-in* ke OSC, KDN untuk sesi temuduga dan kelulusan akan diberikan pada hari yang sama dengan mengemukakan permohonan pengambilan pekerja asing yang lengkap di OSC, KDN. Agensi Kawal Selia (AKS) sektor berkenaan akan menjalankan temuduga dengan majikan untuk meneliti permohonan tersebut. Kelulusan pengambilan pekerja asing juga adalah berdasarkan keperluan sebenar majikan dan berdasarkan syarat dan nisbah kelayakan yang ditetapkan oleh Agensi Kawal Selia masing-masing.**

Pihak majikan seterusnya perlu melunaskan bayaran levi berdasarkan bilangan pekerja dan sektor yang diluluskan sebelum membuat permohonan visa dengan rujukan (VDR) bagi urusan membawa masuk pekerja asing.

Setiap pekerja asing yang memohon visa kemasukan akan dikenakan bayaran yang berbeza mengikut negara asal iaitu dari RM410 hingga RM460 untuk mendapat visa kemasukan. Bayaran ini merangkumi kos bagi bayaran visa, saringan keselamatan Imigresen (ISC), Biomedikal, saringan kesihatan FOMEMA dan lain-lain kos berkaitan.

Kerajaan pada 19 Februari 2016 telah memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan pengambilan pekerja asing baharu termasuk pekerja warganegara Bangladesh sehingga Kerajaan berpuas hati dengan keperluan sebenar oleh pihak industri.